

Ahli politik jangan politikkan keputusan kalimah Allah, kata Ibrahim Ali
Malaysian Insider
Oct 14 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Datuk Ibrahim Ali mengalu-alukan keputusan Mahkamah Rayuan hari ini yang menghalang kalimah Allah digunakan dalam akhbar Herald edisi bahasa Melayu.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) itu melafazkan rasa syukur dan menggesa ahli politik tidak mengeluarkan kenyataan berhubung keputusan mahkamah hari ini untuk kepentingan politik.

"Saya minta kepada pihak berkuasa melakukan pemantauan dengan teliti bagi memastikan kalimah Allah tidak digunakan oleh kaum bukan Islam," katanya ketika ditemui di perkarangan Istana Kehakiman.

Beliau turut menggesa penganut agama Kristian tidak tersalah faham terhadap hak orang Islam berhubung kalimah Allah dan menyifatkan mereka anti agama Kristian.

"Kita hormat agama mereka. Hubungan kita pun dah macam adik-beradik."

Pemimpin Perkasa itu turut mempersoalkan Bible yang sebelum ini tidak pernah menggunakan kalimah Allah tetapi mahu menggunakan kalimah tersebut dalam bahasa Melayu.

"Saya dapati Bible dalam bahasa lain menggunakan perkataan Gos dan seumpama dengannya. Tetapi mengapa kalimah Allah mahu digunakan dalam Bible bahasa Melayu? Ini pasti ada 'udang di sebalik batu," katanya.

Mahkamah Rayuan hari ini memutuskan Gereja Katolik tidak boleh menggunakan kalimah Allah dalam akhbar mingguan Herald dalam bahasa Melayu. - 14 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-politik-jangan-politikkan-keputusan-kalimah-allah-kata-ibrahim-ali>